



# PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) PLAN Malaysia@Perak 2021-2025



**PLAN**Malaysia@Perak

Perancangan Melangkaui Kelaziman

*Planning : Beyond Conventional*

Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Perak Darul Ridzuan



Hak Cipta Terpelihara  
PLANMalaysia@Perak  
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan)

Hak Cipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukarkan ke dalam apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, rakaman atau sebagainya tanpa kebenaran bertulis daripada Pengarah, PLANMalaysia@Perak (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan).

Diterbitkan oleh:  
PLANMalaysia@Perak  
(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
Perak Darul Ridzuan)  
Tingkat 3&7, Bangunan Sri Perak,  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,  
30000 Ipoh, Perak Darul Ridzuan.

No. Tel: 05-209 5700/ 5752  
No. Faks: 05-255 3022

## PERUTUSAN PENGARAH

Assalamua'laikum W.B.T. & Salam Sejahtera


Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dan keizinanNya, PLANMalaysia@Perak (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak darul Ridzuan) berjaya menghasil dan menerbitkan Pelan Antirasuah Organisasi atau Organisational Anti-Corruption Plan (OACP) 2021-2025.

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) 2021-2025 bertujuan sebagai dokumen dasar antirasuah di peringkat organisasi dalam menangani isu-isu dalaman organisasi berkaitan kelemahan integriti, tadbir urus dan antirasuah yang harus ditangani serta melibatkan semua bidang dan aktiviti yang ada di dalam organisasi.

Saya menyeru warga PLANMalaysia@Perak supaya menjadikan OACP 2021-2025 ini sebagai asas rujukan komprehensif dan inklusif dalam membudayakan integriti dalam melaksanakan tugas yang telah dipertanggungjawabkan, sekaligus dapat menghindari salah laku rasuah.

Setinggi-tinggi penghargaan dan jutaan terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam menerbitkan OACP ini.

Sekian.



Hajah Asni binti Mustafa SDK. BCK.

**Pengarah**

PLANMalaysia@Perak

(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa  
Perak Darul Ridzuan)



## ISI KANDUNGAN

BIL.	KANDUNGAN	HALAMAN
<b>1.0</b>	<b>PENGENALAN</b>	1
1.1	VISI, MISI & OBJEKTIF	2-3
1.2	HALA TUJU, STRATEGI DAN KERANGKA KERJA	4-6
<b>2.0</b>	<b>PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH (OACP) PLANMALAYSIA@PERAK</b>	7
2.1	TUJUAN PEMBANGUNAN OACP	8-9
2.2	BIDANG-BIDANG BERISIKO	10-13
2.3	TEMPOH PEMAKAIAN OACP	14
<b>3.0</b>	<b>KUPASAN DATA</b>	15
3.1	DAPATAN DATA	16-18
3.2	ANALISA DATA	19-20

<b>BIL.</b>	<b>KANDUNGAN</b>	<b>HALAMAN</b>
<b>4.0 KERANGKA DAN PELAN TINDAKAN</b>		21
4.1	KERANGKA PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)	23
4.2	PELAN TINDAKAN DAN PEMANTAUAN	24-33
4.3	RINGKASAN PELAN TINDAKAN DAN PEMANTAUAN MENGIKUT PELAKSANA	34-39
<b>5.0 MEKANISME PELAKSANAAN OACP PLANMALAYSIA@PERAK</b>		40
5.1	PRINSIP PENGURUSAN ANTIRASUAH PLANMALAYSIA@PERAK	41-42
5.2	MEKANISME PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN	43-44
5.3	MEKANISME PENYELARASAN DAN PEMANTAUAN PELAN TINDAKAN	45-46
<b>PENGHARGAAN</b>		47

# PLAN Malaysia @ Perak

(Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan)

MS ISO 9001 : 2015

**BAB**

**1**

**PENGENALAN**

## 1.0 PENGENALAN

Bahagian ini menerangkan berkaitan Visi, Misi, dan Objektif Jabatan seterusnya perkara-perkara asas bagi pembentukan Pelan Anti Rasuah Organisasi (OACP) PLANMalaysia@Perak 2021-2025 seperti Hala Tuju, Strategi dan Pelan Tindakan serta Rangka Kerja.

### 1.1 VISI, MISI DAN OBJEKTIF JABATAN

<b>VISI</b>	Menjadi Peneraju Perancangan Bandar dan Desa ke Arah Kesejahteraan Rakyat dan Kemakmuran Negeri Menjelang 2040.
<b>MISI</b>	Memacu Perancangan Pembangunan Negeri Melalui Perancangan Spatial yang Komprehensif dan Inovatif Demi Kesejahteraan Masyarakat



**OBJEKTIF**

- Melaksanakan Dasar Perancangan Bandar dan Desa selaras dengan Dasar Pembangunan Negara dan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030
- Mengawalselia pemakaian dan pelaksanaan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan pindaan-pindaannya serta Kaedah-Kaedah Perlaksanaan di Seluruh Negeri Perak.
- Memberi khidmat nasihat perancangan kepada Kerajaan Negeri, Jabatan Agensi Kerajaan serta orang awam.
- Menyediakan pangkalan data perancangan negeri yang komprehensif dan perkongsian maklumat yang efisien.
- Menyediakan rancangan pemajuan yang menepati perundangan dan keperluan negeri.

## 1.2 HALA TUJU, STRATEGI DAN KERANGKA KERJA

### HALA TUJU

OACP PLANMalaysia@Perak 2021-2025 adalah bertujuan menjadikan warga Jabatan Bebas Rasuah dan Salah Laku Integriti dengan komitmen tinggi dalam membudayakan amalan integriti dalam penyampaian perkhidmatan melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang berkuatkuasa serta pengamalan nilai-nilai dan prinsip Ketelusan, Kebertanggungjawaban dan Integriti.

## STRATEGI

PLANMalaysia@Perak merupakan Agensi peneraju dalam perancangan pemajuan aktiviti pembangunan fizikal dan spatial di Negeri Perak. Peranan PLANMalaysia@Perak bukan sahaja dari segi perancangan dan kajian pembangunan, malah turut membabitkan kawalan pembangunan yang melibatkan pertimbangan kelulusan pelan pemajuan serta perundingan bagi rayuan pembangunan di dalam Lembaga Rayuan.

Bagi membentuk warga kerja yang berintegriti, OACP PLANMalaysia@Perak 2021-2025 yang dirangka selaras dengan visi dan misi jabatan ini, diharap dapat dicapai, sekali gus masyarakat dapat merasai kehadiran dan perkhidmatan yang disampaikan oleh PLANMalaysia@Perak.

Terdapat dua (2) bidang keutamaan yang berisiko kepada rasuah yang perlu diberi penekanan iaitu Pengurusan dan Tadbir Urus Organisasi dan Perolehan Awam. OACP PLANMalaysia@Perak 2021-2025 telah menetapkan tiga (3) strategi utama untuk dilaksanakan. Strategi tersebut adalah Memperkasakan Integriti dalam Pengurusan Data dan Maklumat, Meningkatkan Akauntabiliti dan Integriti Kakitangan dan Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Jabatan.

Program dan aktiviti yang telah ditetapkan dalam OACP PLANMalaysia@Perak 2021-2025 memfokuskan usaha untuk meminimakan risiko rasuah serta menutup peluang berlakunya gejala tersebut.

## KERANGKA KERJA

Melalui langkah yang telah ditetapkan, diharap ia dapat meningkatkan kecekapan, ketelusan dan integriti jabatan serta melonjakkan imej jabatan. OACP PLANMalaysia@Perak 2021-2025 ini menggariskan kerangka yang komprehensif dalam memerangi rasuah secara menyeluruh, merangkumi kehendak pemegang taruh dan pelanggan jabatan.





# BAB 2

## PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH (OACP) PLANMALAYSIA@PERAK

## **2.0 PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP) PLANMALAYSIA@PERAK**

Bab ini menerangkan tentang tujuan pembangunan OACP PLANMalaysia@Perak dan kaedah pengenalpastian bidang keutamaan berdasarkan isu dan cabaran kepada Jabatan.

### **2.1 TUJUAN PEMBANGUNAN OACP**

Dalam mendukung usaha pemantapan tadbir urus, intergriti dan rasuah dalam sistem pengurusan pentadbiran Kerajaan, PLANMalaysia@Perak melalui Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018, Siri 2 No. 1 Tahun 2019 pada 29 Mac 2019 telah diarahkan untuk mewujudkan Pelan Antirasuah Organisasi/ *Organisation Anti-Corruption Plan* (OACP) bagi mematuhi strategi dan inisiatif di dalam NACP di bawah:

**STRATEGI 2:**

Memperkuhkan Kecekapan Penyampaian Perkhidmatan

**INISIATIF 2.1.5**

Mewajibkan sektor awam untuk membangunkan OACP dengan dibantu oleh tiga agensi iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Pusat Tadbir Urus, Integriti dan Antirasuah Nasional (GIACC) Dan Institut Integriti Malaysia.

PLANMalaysia@Perak komited dalam merealisasikan aspirasi kerajaan di peringkat Negeri Perak untuk memastikan Malaysia dikenali di seluruh dunia sebagai negara yang berintegriti dan bebas rasuah. OACP PLANMalaysia@Perak merupakan satu komitmen dan usaha Jabatan dalam menangani rasuah. OACP yang disediakan meliputi aspek tadbir urus, integriti dan rasuah dalam organisasi serta melibatkan semua bidang dan aktiviti yang ada di dalam organisasi. Ia akan menjadi satu platform yang sistematik dalam menangani isu rasuah dengan mekanisme pelaporan kepada pengurusan tertinggi secara berkala.

## 2.2 BIDANG-BIDANG BERISIKO

Berdasarkan penilaian risiko yang telah dijalankan, dua (2) bidang keutamaan telah dikenalpasti iaitu Pengurusan dan Tadbir Urus Organisasi dan Perolehan Awam. Huraian adalah seperti berikut:

### 2.2.1 Pengurusan Dan Tadbir Urus Organisasi

Secara umumnya sesebuah organisasi yang diteraju dengan kawalan, amalan terhadap sistem pentadbiran serta urus tadbir yang baik, ia dapat mewujudkan satu sistem pengurusan yang cekap, peka, mesra dan responsif terhadap kehendak pemegang taruh (*stakeholders*).



Dalam konteks PLANMalaysia@Perak, pengurusan dan tadbir urus organisasi merupakan bidang utama yang sangat penting kerana ia meliputi aktiviti serta program utama Jabatan yang terdedah kepada risiko integriti dan rasuah. Oleh itu, beberapa strategi dan objektif strategik dirangka bagi melonjakkan kecekapan pengurusan dan tadbir urus dengan integriti kakitangan yang tinggi bagi memperlihatkan penambahbaikan berterusan terhadap sistem penyampaian perkhidmatan jabatan.

Dua (2) strategi dan dua (2) objektif strategik dirangka untuk menangani lapan (8) risiko iaitu enam (6) risiko atau potensi risiko dengan kebarangkalian dan impak tinggi dan tiga (3) risiko atau potensi risiko dengan kebarangkalian dan impak rendah.

<b>PENGURUSAN DAN TADBIR URUS ORGANISASI</b>	
<b>Strategi 1</b>	<b>Memperkasakan Integriti dalam Pengurusan Data dan Maklumat</b>
<b>Objektif Strategik 1</b>	Menambahbaik mekanisme pemantauan kawalan keselamatan data geospatial atau maklumat kerajaan
<b>Risiko/ Potensi Risiko dengan Kebarangkalian dan Impak Tinggi</b>	
<b>Risiko 1</b>	Penjualan data secara tidak sah atau tanpa kebenaran

<b>PENGURUSAN DAN TADBIR URUS ORGANISASI</b>	
<b>Strategi 2</b>	<b>Meningkatkan Akauntabiliti dan Integriti Kakitangan</b>
<b>Objektif</b>	Memperluaskan pelaksanaan program kesedaran Integriti dan urusan
<b>Strategik 2</b>	tatatertib
<b>Risiko/ Potensi Risiko dengan Kebarangkalian dan Impak Tinggi</b>	
<b>Risiko 3</b>	Menyembunyikan maklumat salah laku
<b>Risiko 4</b>	Membocorkan maklumat kerajaan
<b>Risiko 5</b>	Mengemukakan sijil cuti sakit palsu/tuntutan palsu
<b>Risiko 6</b>	Mendapatkan sokongan (orang berpengaruh) untuk mempengaruhi keputusan dalaman Jabatan (dalam urusan penempatan)
<b>Risiko/ Potensi Risiko dengan Kebarangkalian dan Impak Rendah</b>	
<b>Risiko 7</b>	Ketidakcekapan pegawai menjalankan tugas menyebabkan bebanan tugas banyak dan kualiti rendah
<b>Risiko 8</b>	Ketidak cekapan ketua/penyelia dalam pembahagian tugas secara tidak adil dan dipengaruhi unsur peribadi
<b>Risiko 9</b>	Ketidak hadiran pegawai tanpa kebenaran atau alasan yang munasabah

*Nota: Perincian terhadap inisiatif dan tindakan untuk menangani risiko Pengurusan dan Tadbir Urus diterangkan di dalam Bab 4 Kerangka dan Pelan Tindakan OACP.*

## 2.2.2 Perolehan Awam

Perolehan merupakan salah satu bidang yang paling terdedah kepada rasuah, penyelewengan dan salah gunakuasa. Menjadi matlamat Jabatan untuk memastikan perancangan dan pengurusan kewangan dan perolehan adalah berteraskan peraturan dan tatacara kewangan yang berkuatkuasa.

Jabatan sentiasa komited dalam memastikan pengurusan kewangan dan perolehan dilaksanakan secara telus dan berhemah. Justeru itu, semua urusan perolehan Jabatan perlu diurus berlandaskan dasar dan prinsip perolehan kerajaan bagi menjamin perolehan yang terbaik dan berkesan. Penelitian terhadap amalan, sistem dan prosedur ditekankan bagi tujuan penambahbaikan proses kerja dan menutup ruang dan peluang kepada perlakuan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Satu (1) strategi dan satu (1) objektif strategik dirangka untuk menangani satu (1) risiko atau potensi risiko dengan kebarangkalian dan impak tinggi.

<b>PEROLEHAN AWAM</b>	
<b>Strategi 1</b>	<b>Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Jabatan</b>
<b>Objektif Strategik 1</b>	Mempertingkatkan ketelusan perolehan awam dan pengurangan risiko rasuah
<b>Risiko/ Potensi Risiko dengan Kebarangkalian dan Impak Tinggi</b>	
<b>Risiko 1</b>	Penyalahgunaan kuasa dalam proses perolehan

Nota: Perincian terhadap inisiatif dan tindakan untuk menangani risiko Perolehan Awam diterangkan di dalam Bab 4 Kerangka dan Pelan Tindakan OACP.

## 2.3 TEMPOH PEMAKAIAN OACP

Selaras dengan Kerangka Pelan Antirasuah Nasional, Pelan OACP PLANMalaysia@Perak dibangunkan dalam **tempoh lima (5) tahun iaitu bermula pada tahun 2021 sehingga tahun 2025.**



# BAB 3

## KUPASAN DATA

## 3.0 KUPASAN DATA


Bab ini akan menerangkan kupasan data yang diperoleh sepanjang proses penilaian risiko. Data-data daripada pelbagai sumber telah digunapakai dan dinilai menggunakan Parameter Kebarangkalian (*Parameter Likelihood*) untuk mendapatkan maklumat yang berguna dalam pembuatan keputusan.

### 3.1 DAPATAN DATA

Berdasarkan kepada Rajah 1 bagi tempoh dari tahun 2015 hingga 2019, PLANMalaysia Ibu Pejabat mencatatkan 28 kes yang melibatkan isu berkaitan tadbir urus, integriti dan rasuah. Sebanyak 26 kes (92.9%) adalah melibatkan isu berkaitan integriti, manakala 2 kes (7.1%) adalah melibatkan isu rasuah.

Bagi PLANMalaysia@Perak pula kes-kes berkaitan isu tadbir urus, integriti dan rasuah hanya mencatatkan 3 kes dari tahun 2015 hingga 2019. Hasil dapatan data ini dijadikan asas pembentukan kerangka dan pelan tindakan antirasuah.

Rajah 1 : Kes Tatatertib Mengikut Kategori 2015-2019, PLANMalaysia



Selain daripada kes-kes yang diadu dan dilaporkan, terdapat juga kes-kes lain yang diperolehi daripada sumber lain seperti laporan SPAN, Laporan Audit Dalaman, Pelan Pengurusan Risiko Rasuah (CRM) Jabatan, Laporan Risiko Jabatan dan maklumbalas pelanggan.

Berikut adalah kes-kes utama mengikut kategori isu iaitu integriti, rasuah dan tadbir urus (rujuk Jadual 1).

**Jadual 1: Kes-Kes Utama yang Dikategorikan Mengikut Integriti, Tadbir Urus dan Rasuah di PLANMalaysia@Perak Bagi Tempoh 2015-2019**

Bil.	KES	Kategori Risiko
1	Kelewatan kepejabat tanpa kebenaran dan alasan munasabah	I
2	Ketidak hadiran pegawai tanpa kebenaran atau alasan yang munasabah	I
3	Kegagalan merekod kedatangan	I
4	Aduan awam tidak dijawab	G
5	Mengurus hal peribadi pada waktu bekerja dan meninggalkan tugas hakiki	I
6	Penjualan data secara tidak sah atau tanpa kebenaran	R
7	Menyembunyikan maklumat salah laku	I
8	Mesyuarat melebihi tiga (3) jam	I
9	Ketidak cekapan pegawai menjalankan tugas menyebabkan bebanan tugas banyak dan kualiti rendah	G
10	Ketua membuat pembahagian tugas secara tidak adil dengan dipengaruhi unsur peribadi	G
11	Kecuaian pegawai menjalankan tugas	I
12	Menyalahguna kemudahan pinjaman komputer	I
13	Mengemukakan tuntutan perjalanan palsu	I


**Kategori Risiko : I – Integriti, G – Tadbir urus, R – Rasuah**



### 3.2 ANALISA DATA:

Melalui parameter kebarangkalian (*parameter likelihood*), daripada 13 kes utama yang melibatkan integriti, tadbir urus dan rasuah, sebanyak sembilan (9) kes telah dikenalpasti mempunyai kebarangkalian tinggi yang mungkin memberikan impak kepada Jabatan. Kes-kes tersebut adalah seperti berikut:

**Rajah 4 : Parameter Kebarangkalian**



**Jadual 2: Kes-Kes yang Telah Dikenalpasti Mempunyai Kebarangkalian Tinggi**

Bil	Risiko	Kuadrant	Bidang Keutamaan
1	Penjualan data secara tidak sah atau tanpa kebenaran	A	Pengurusan dan Tadbir Urus Organisasi
2	Salah Guna Kuasa (Keputusan, Perolehan)	A	PerolehanAwam
3	Membocorkan maklumat kerajaan	A	Pengurusan dan Tadbir Urus Organisasi
4	Ketidakhadiran pegawai tanpa kebenaran atau alasan yang munasabah	C	Pengurusan dan Tadbir Urus Organisasi
5	Tidak hadir bertugas tanpa sebab atau alasan yang munasabah dan mengemukakan Sijil Cuti Sakit Palsu Atau meminda Sijil Cuti Sakit	A	Pengurusan dan Tadbir Urus Organisasi
6	Menyembunyikan maklumat salah laku	A	Pengurusan dan Tadbir Urus Organisasi
7	Mendapatkan sokongan (orang berpengaruh) untuk mempengaruhi keputusan dalaman Jabatan (penempatan)	A	Pengurusan dan Tadbir Urus Organisasi
8	Ketidak cekapan pegawai menjalankan tugas menyebabkan bebanan tugas banyak dan kualiti rendah	C	Pengurusan dan Tadbir Urus Organisasi
9	Kecuaian pegawai menjalankan tugas	C	Pengurusan dan Tadbir Urus Organisasi



# BAB

# 4

## KERANGKA DAN PELAN TINDAKAN

## 4.0 KERANGKA DAN PELAN TINDAKAN

Bab ini menerangkan tentang kerangka bidang keutamaan yang telah ditentukan di peringkat PLANMalaysia@Perak. Sebanyak dua (2) bidang keutamaan akan menjadi teras utama dalam usaha menambah baik urus tadbir, integriti dan rasuah di PLANMalaysia@Perak. Dua bidang keutamaan tersebut adalah Pengurusan dan Tadbir Urus Organisasi dan Perolehan Awam, daripada dua (2) bidang keutamaan ini, Sembilan (9) strategi yang telah dikenal pasti iaitu Memperkasakan Integriti dalam Pengurusan Data dan Maklumat, Meningkatkan Akauntabiliti dan Integriti Kakitangan dan Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Jabatan. Strategi ini seterusnya membawa kepada tiga (3) objektif strategik yang mempunyai 33 inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun.

## 4.1 KERANGKA PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

<b>VISI OACP</b>	Peneraju Perancangan Bandar dan Desa di Malaysia Ke Arah Bebas Rasuah	
<b>MISI OACP</b>	Memacu Pemajuan Spatial Negara yang Mampan Melalui Perancangan dan Pemantauan Pembangunan yang Telus, Berintegriti dan Berakauntabiliti ke Arah Kesejahteraan Komuniti	
<b>MATLAMAT</b>	Mengamalkan Budaya Kerja Yang Telus, Berintegriti Dan Berakauntabiliti di PLANMalaysia@Perak	
<b>BIDANG KEUTAMAAN</b>	Pengurusan dan Tadbir Urus Organisasi	Perolehan Awam
<b>STRATEGI</b>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mempekasakan Integriti Dalam Pengurusan Data dan Maklumat</li> <li>2. Meningkatkan Akauntabiliti dan Integriti Kakitangan</li> </ol>	Mempertingkatkan Keberkesanan dan Ketelusan Perolehan Jabatan



## 4.2 PELAN TINDAKAN DAN PEMANTAUAN

### 4.2.1 BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN DAN TADBIR URUS ORGANISASI

Strategi		Memperkasakan Integriti Dalam Pengurusan Data dan Maklumat				
Objektif Strategik 1		Menambahbaik Mekanisme Pemantauan Kawalan Keselamatan Data Geospasial atau Maklumat Kerajaan				
Risiko/ Potensi Risiko dengan Kebarangkalian dan Impak Tinggi		Inisiatif/ Tindakan (Tangani/ Atasi Risiko)	Pelaksana	Tempoh Masa Pelaksanaan		
1.1	Penjualan Data Secara Tidak Sah atau Tanpa Kebenaran	1.1.1	Membangunkan sistem kawalan urusan pengeluaran data untuk mengesan penjualan data yang tidak sah	BBKPG& ICT& BKP	2021-2025	
		1.1.2	Melaksanakan pusingan kerja secara dalaman atau luaran untuk mengelakkan ' <i>conflict of interest</i> '	BKPG & ICT& BKP	2021-2025	
		1.1.3	Mewajibkan semua pegawai baru untuk mengikuti kursus integriti dan etika kerja	BPK	2021-2025	
		1.1.4	Melaksanakan hebahan kawalan keselamatan data kepada kakitangan	Pegawai Keselamatan /BKP/BPK	2021-2025	
		1.1.5	Menganjurkan kursus pemahaman Akta Rahsia Rasmi dan dokumen terperingkat kerajaan	BKP	2021-2025	

Strategi		Meningkatkan Akauntabiliti dan Integriti Kakitangan			
Objektif Strategik 2		Memperluaskan Pelaksanaan Program Kesedaran Integriti dan Urusan Tatatertib			
Risiko/Potensi Risiko dengan Kebarangkalian dan Impak Rendah		Inisiatif/ Tindakan (Tangani/ Atasi Risiko)		Pelaksana	Tempoh Masa
2.1	Ketidakhadiran Pegawai Tanpa Kebenaran atau Alasan yang Munasabah	2.1.1	Hebahan berterusan sekurang-kurangnya 1 tahun sekali terhadap tanggungjawab penyelia/ ketua untuk memantau kehadiran pegawai	BPK&BKP	2021-2025
		2.1.2	Melaksanakan Pemantauan kehadiran setiap bulan melalui Mesyuarat Pengurusan (perbentangan laporan kehadiran)	BKP	2021-2025
		2.1.3	Memperkasakan tatacara pengurusan ketidakhadiran pegawai ke pejabat	BKP	2021-2025
		2.1.4	Memperkenalkan anugerah pegawai berintegriti tinggi yang menyumbang bakti yang tinggi di peringkat Jabatan	Semua Bahagian & BKP	2021-2025
2.2	Menyembunyikan Maklumat Salah Laku	2.2.1	Pengurusan sistem aduan tatakelakuan	BKP	2021-2025

Strategi		Meningkatkan Akauntabiliti dan Integriti Kakitangan			
Objektif Strategik 2		Memperluaskan Pelaksanaan Program Kesedaran Integriti dan Urusan Tatatertib			
Risiko/Potensi Risiko dengan Kebarangkalian dan Impak Rendah		Inisiatif/ Tindakan (Tangani/ Atasi Risiko)	Pelaksana	Tempoh Masa	
		2.2.2	Memperbanyakkan program memupuk nilai-nilai murni dan pengurusan diri dalam kakitangan dengan memberi tumpuan terhadap permasalahan tatakelakuan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketidakhadiran bertugas</li> <li>• Gangguan seksual</li> <li>• Keterhutangan yang serius</li> <li>• Rasuah dan salah gunakuasa</li> </ul> Pelaksanaan secara berkala (1 tahun 1 topik)	BKP&BPK	2021-2025
		2.2.3	Mengadakan kursus/ ceramah/ taklimat berkaitan tatatertib P&P dan pegawai sokongan tahap 1 dan 2	BPK& BKP	2021-2025
		2.2.4	Memperkenalkan anugerah pegawai berintegriti tinggi yang menyumbang bakti yang tinggi di peringkat Jabatan	Semua Bahagian	2021-2025



Strategi		Meningkatkan Akauntabiliti dan Integriti Kakitangan			
Objektif Strategik 2		Memperluaskan Pelaksanaan Program Kesedaran Integriti dan Urusan Tatatertib			
Risiko/Potensi Risiko dengan Kebarangkalian dan Impak Rendah		Inisiatif/ Tindakan (Tangani/ Atasi Risiko)	Pelaksana	Tempoh Masa	
2.3	Membocorkan Maklumat Kerajaan	2.3.1	Ketua Bahagian/ penyelia mengeluarkan peringatan secara berkala (1 tahun sekali) dan membuat pemantauan kepada semua pegawai seliaannya dalam pengendalian dokumen rasmi kerajaan (merangkumi dokumen terperingkat)	Semua Bahagian	2021-2025
		2.3.2	Melaksanakan pusingan kerja secara dalaman atau luaran untuk mengelakkan ' <i>conflict of interest</i> '	Semua Bahagian	2021-2025
		2.3.3	Mewajibkan semua pegawai baru untuk mengikuti kursus integriti dan etika kerja	BKP & BPK	2021-2025
		2.3.4	Melaksanakan hebahan kawalan keselamatan data kepada kakitangan	BKP & BPK	2021-2025

Strategi		Meningkatkan Akauntabiliti dan Integriti Kakitangan			
Objektif Strategik 2		Memperluaskan Pelaksanaan Program Kesedaran Integriti dan Urusan Tatatertib			
Risiko/Potensi Risiko dengan Kebarangkalian dan Impak Rendah		Inisiatif/ Tindakan (Tangani/ Atasi Risiko)	Pelaksana	Tempoh Masa	
		2.3.5	Menganjurkan kursus pemahaman Akta Rahsia Rasmi dan dokumen terperingkat kerajaan	BKP/BPK	2021-2025
		2.3.6	Pemantauan berterusan pematuhan prosedur kerja	JK Audit Dalam/ BPK	2021-2025
		2.3.7	Memperkenalkan anugerah pegawai berintegriti tinggi yang menyumbang bakti yang tinggi di peringkat Jabatan	Semua Bahagian	2021-2025
2.4	Mengemukakan Sijil Cuti Sakit Palsu/ Tuntutan Palsu, Salah guna Pinjaman Komputer	2.4.1	Mengeluarkan peringatan secara berkala (1 tahun sekali) kepada semua Ketua Bahagian/ Penyelia untuk memantau tuntutan palsu dan perkara-perkara yang melanggar peraturan	BKP	2021-2025

Strategi		Meningkatkan Akauntabiliti dan Integriti Kakitangan			
Objektif Strategik 2		Memperluaskan Pelaksanaan Program Kesedaran Integriti dan Urusan Tatatertib			
Risiko/Potensi Risiko dengan Kebarangkalian dan Impak Rendah		Inisiatif/ Tindakan (Tangani/ Atasi Risiko)	Pelaksana	Tempoh Masa	
		2.4.2	Ketua Bahagian/ Penyelia mengeluarkan peringatan secara berkala (1 tahun sekali) dan membuat pemantauan kepada semua pegawai seliaannya agar tidak membuat tuntutan palsu/ sijil cuti sakit palsu/ dipinda serta salah guna pinjaman komputer. Membuat pemantauan kesemua bahagian melalui perbentangan laporan kehadiran warga melalui Mesyuarat Pengurusan.	Semua Bahagian	2021-2025
		2.4.3	Memperkenalkan anugerah pegawai berintegriti tinggi yang menyumbang bakti yang tinggi di peringkat Jabatan	Semua Bahagian	2021-2025

Strategi		Meningkatkan Akauntabiliti dan Integriti Kakitangan			
Objektif Strategik 2		Memperluaskan Pelaksanaan Program Kesedaran Integriti dan Urusan Tatatertib			
Risiko/Potensi Risiko dengan Kebarangkalian dan Impak Rendah		Inisiatif/ Tindakan (Tangani/ Atasi Risiko)		Pelaksana	Tempoh Masa
2.5	Mendapatkan sokongan (orang berpengaruh) untuk mempengaruhi keputusan dalaman jabatan (penempatan)	2.5.1	Melaksanakan program jati diri (kursus/ bengkel/ ceramah/ sesi dialog dan lain-lain)	Pegawai Integriti, BPK & BKP	2021-2025
		2.5.2	<p>Memperbanyakkan program memupuk nilai-nilai murni dan pengurusan diri dalam kakitangan dengan memberi tumpuan terhadap permasalahan tatakelakuan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketidakhadiran bertugas</li> <li>• Gangguan seksual</li> <li>• Keterhutangan yang serius</li> <li>• Tuntutan palsu</li> <li>• Sijil sakit palsu</li> <li>• Salah guna pinjaman komputer</li> <li>• Rasuah dan salah gunakuasa</li> </ul> <p>Pelaksanaan secara berkala (1 tahun 1 topik)</p>	Pegawai Integriti & BKP	2021-2025

Strategi		Meningkatkan Akauntabiliti dan Integriti Kakitangan			
Objektif Strategik 2		Memperluaskan Pelaksanaan Program Kesedaran Integriti dan Urusan Tatatertib			
Risiko/Potensi Risiko dengan Kebarangkalian dan Impak Rendah		Inisiatif/ Tindakan (Tangani/ Atasi Risiko)		Pelaksana	Tempoh Masa
2.6	Ketidakcekapan Pegawai menjalankan tugas menyebabkan bebanan tugas banyak dan kualiti rendah	2.6.1	Memperbanyakkan kursus berkaitan pengurusan masa dan kursus-kursus yang meningkatkan kemahiran mengikut keperluan kakitangan	BKP & BPK	2021-2025
2.7	Ketidakcekapan ketua/ penyelia dalam pembahagian tugas secara tidak adil dan dipengaruhi unsur peribadi	2.7.1	Menyemak semula portfolio tugas sedia ada setahun sekali	BKP	2021-2025
		2.7.2	Memperbanyakkan kursus/ taklimat/ bengkel/ latihan kepimpinan	BKP & BPK	
		2.7.3	Memperkasakan AKRAB Jabatan	BKP & BPK	

## 4.2.2 BIDANG KEUTAMAAN: PEROLEHAN AWAM

Strategi		Mempertingkatkan Keberkesanan Dan Ketelusan Perolehan Jabatan			
Objektif Strategik 3		Mempertingkatkan Ketelusan Perolehan Awam Dan Pengurangan Risiko Rasuah			
Risiko/Potensi Risiko dengan Kebarangkalian dan Impak Rendah		Inisiatif/ Tindakan (Tangani/ Atasi Risiko)	Pelaksana	Tempoh Masa	
2.8	Penyalahgunaan Kuasa Dalam Proses Perolehan	2.8.1	Pemilihan ahli jawatankuasa penilaian teknikal/ kewangan dari bahagian yang berbeza	BKP	2021-2025
		2.8.2	Membuat pusingan pegawai yang menganggotai jawatankuasa pembuka dan penilaian tender/ sebutharga	BKP	2021-2025
		2.8.3	Mengadakan program pembangunan kemahiran pengurusan perolehan bagi meningkatkan pemahaman dan kompetensi pengurusan perolehan di kalangan pegawai Jabatan	BKP	2021-2025
		2.8.4	Menyemak dan merujuk Pekeliling Perbendaharaan dan garis panduan berkaitan dengan pengurusan kewangan dan perolehan yang terkini dari semasa ke semasa	BKP	2021-2025

Pelan Tindakan dan Pemantauan OACP ini adalah bertujuan untuk memantau kemajuan pelaksanaan oleh setiap bahagian /unit /seksyen (yang bertindak sebagai pelaksana) agar selari dengan kerangka yang disediakan. Ia juga merupakan langkah untuk mengenalpasti cabaran-cabaran dalam pelaksanaan inisiatif agar dapat diselaraskan dengan lebih berkesan. Inisiatif atau cadangan di dalam pelan tindakan ini perlu dilaksanakan berterusan dari tahun 2021 sehingga 2025. Setiap bahagian perlu memberikan input bagi status pelaksanaan kepada Pegawai Integriti (urus setia OACP) untuk diselaraskan dan seterusnya Laporan Pelaksanaan OACP akan dilaporkan oleh Jawatankuasa OACP semasa Mesyuarat JAR peringkat Negeri Perak dan Ibu pejabat PLANMalaysia.

### 4.3 RINGKASAN PELAN TINDAKAN DAN PEMANTAUAN MENGIKUT PELAKSANA

Pelaksana		Inisiatif/ Tindakan (Tangani/ Atasi Risiko)	Risiko/ Potensi Risiko dengan Kebarangkalian dan Impak Tinggi
Semua Bahagian	1	Memperkenalkan anugerah pegawai berintegriti tinggi yang menyumbang bakti yang tinggi diperingkat Bahagian	Terpakai Untuk Semua Risiko/ Potensi Risiko
	2	Ketua Bahagian/ penyelia mengeluarkan peringatan secara berkala (1 tahun sekali) dan membuat pemantauan kepada semua pegawai seliaannya dalam pengendalian dokumen rasmi kerajaan (merangkumi dokumen terperingkat)	
	3	Mewajibkan semua pegawai baru untuk mengikuti kursus integriti dan etikakerja	
	4	Mengadakan kursus/ ceramah/ taklimat berkaitan tata tertib kepada semua lapisan pegawai	
	5	Ketua Bahagian/ penyelia mengeluarkan peringatan secara berkala (1 tahun sekali) dan membuat pemantauan kepada semua pegawai seliaannya agar tidak membuat tuntutan palsu/ sijil cuti sakit palsu/ dipinda dan salah guna pinjaman komputer.	Mengemukakan Sijil Cuti Sakit/ Tuntutan Palsu



Pelaksana		Inisiatif/ Tindakan (Tangani/ Atasi Risiko)	Risiko/ Potensi Risiko dengan Kebarangkalian dan Impak Tinggi
BKP & ICT	1	Membangunkan sistem kawalan urusan pengeluaran data untuk mengesan penjualan data yang tidak sah	Penjualan Data Secara Tidak Sah atau Tanpa Kebenaran
	2	Melaksanakan pusingan kerja (dalam bahagian) secara dalaman atau luaran untuk mengelakkan " <i>conflict of interest</i> "	
	3	Melaksanakan hebahan kawalan keselamatan data kepada kakitangan	
BKP & BPK	1	Melaksanakan pusingan kerja (antara bahagian/ jabatan) untuk mengelakkan " <i>conflict of interest</i> "	Penjualan Data Secara Tidak Sah atau Tanpa Kebenaran
	2	Melaksanakan program jatidiri (kursus/ bengkel/ ceramah/ sesi dialog dan lain-lain)	Terpakai Untuk Semua Risiko/ Potensi Risiko
	3	Memperbanyakkan kursus berkaitan pengurusan masa dan kursus-kursus yang meningkatkan kemahiran mengikut keperluan kakitangan	Ketidakecapan Pegawai Menjalankan Tugas Menyebabkan Bebanan Tugas Banyak dan Kualiti Rendah
	4	Memperbanyakkan kursus/ taklimat/ bengkel/ latihan kepimpinan	
	5	Mengadakan program pembangunan kemahiran pengurusan perolehan bagi meningkatkan pemahaman dan kompetensi pengurusan perolehan di kalangan pegawai Jabatan	Penyalahgunaan Kuasa Dalam Proses Perolehan

Pelaksana		Inisiatif/ Tindakan (Tangani/ Atasi Risiko)	Risiko/ Potensi Risiko dengan Kebarangkalian dan Impak Tinggi
BKP & ICT	1	Membangunkan sistem kawalan urusan pengeluaran data untuk mengesan penjualan data yang tidak sah	Penjualan Data Secara Tidak Sah atau Tanpa Kebenaran
	2	Melaksanakan hebahan kawalan keselamatan data kepada kakitangan	Membocorkan Maklumat Kerajaan
	3	Pengurusan sistem aduan tatakelakuan dan integriti sebagai platform penyaluran maklumat (penyelenggaraan sistem)	Menyembunyikan maklumat Salah Laku

Pelaksana		Inisiatif/ Tindakan (Tangani/ Atasi Risiko)	Risiko/ Potensi Risiko dengan Kebarangkalian dan Impak Tinggi
BKP & BPK	1	Menganjurkan kursus pemahaman akta rahsia rasmi dan dokumen terperingkat kerajaan	Penjualan Data Secara Tidak Sah atau Tanpa Kebenaran Membocorkan Maklumat Kerajaan
	2	Memperkasakan tatacara pengurusan ketidakhadiran pegawai kepejabat (dari aspek sistem kehadiran)	Ketidakhadiran Pegawai Tanpa Kebenaran atau Alasan Yang Munasabah
BKP	1	Pemilihan ahli jawatankuasa penilaian teknikal/kewangan dari bahagian yang berbeza	Penyalahgunaan Kuasa Dalam Proses Perolehan
	2	Membuat pusingan pegawai yang menganggotai jawatankuasa pembuka dan penilaian tender/ sebutharga	
	3	Mengadakan program pembangunan kemahiran pengurusan perolehan bagi meningkatkan pemahaman dan kompetensi pengurusan perolehan di kalangan pegawai Jabatan	
	4	Menyemak dan merujuk Pekeliling Perbendaharaan dan garis panduan berkaitan dengan pengurusan kewangan dan perolehan yang terkini dari semasa ke semasa	

Pelaksana	Inisiatif/ Tindakan (Tangani/ Atasi Risiko)	Risiko/ Potensi Risiko dengan Kebarangkalian dan Impak Tinggi
BPK & BKP	1 Hebahan berterusan sekurang-kurangnya 1 tahun sekali terhadap tanggungjawab penyelia/ ketua untuk memantau kehadiran pegawai	Ketidak hadiran pegawai tanpa kebenaran atau alasan yang munasabah
	2 Memantau kehadiran warga dengan membenteng laporan kehadiran warga setiap bulan melalui Mesyuarat Pengurusan (Pelaporan kehadiran akan dibentangkan bagi mengenalpasti isu kehadiran dan memantau keberadaan warga PLANMalaysia@Perak	
	3 Memperkasakan tatacara pengurusan ketidakhadiran pegawai kepejabat (penyediaan garis panduan/ senarai semak/ carta alir)	
	4 Pengurusan sistem aduan tatakelakuan dan integriti sebagai platform penyaluran maklumat	Menyembunyikan Maklumat Salah Laku
	5 Memperbanyakkan program memupuk nilai-nilai murni dan pengurusan diri dalam kakitangan dengan memberi tumpuan terhadap permasalahan tatakelakuan seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Ketidakhadiran bertugas</li> <li>• Ganguan seksual</li> <li>• Keterhutangan yang serius</li> <li>• Rasuah dan salah gunakuasa</li> </ul> Pelaksanaan secara berkala (1 tahun 1 topik)	
	6 Mengadakan kursus/ ceramah/ taklimat berkaitan tata tertib P&P dan pegawai sokongan tahap 1 dan 2 ( <i>target group</i> )	

Pelaksana	Inisiatif/ Tindakan (Tangani/ Atasi Risiko)	Risiko/ Potensi Risiko dengan Kebarangkalian dan Impak Tinggi
	7 Mengeluarkan peringatan secara berkala (setahunsekali) kepada semua Ketua Bahagian/ penyelia untuk memantau tuntutan palsu dan perkara-perkara yang melanggar peraturan	Mengemukakan Sijil Cuti Sakit/ Tuntutan Palsu, Salah Guna Pinjaman Komputer
	8 Memperkasakan AKRAB Jabatan	Ketidakecapan ketua/ penyelia dalam pembahagian tugas secara tidak adil dan dipengaruhi unsur peribadi
BPK & BKP	1 Menyemak semula portfolio tugas sedia ada setahun sekali	Ketidak cekapan ketua/penyelia dalam pembahagian tugas secara tidak adil dan dipengaruhi unsurperibadi
Jawatankuasa Audit Dalam/ BPK	1 Pemantauan berterusan pematuhan prosedur kerja	Membocorkan Maklumat Kerajaan



# BAB 5

## MEKANISME PELAKSANAAN OACP PLANMALAYSIA@PERAK

## 5.1 PRINSIP PENGURUSAN ANTIRASUAH PLANMalaysia@Perak

Prinsip pengurusan antirasuah PLANMalaysia@Perak adalah dasar yang dipegang oleh PLANMalaysia dalam menentukan halatuju pengurusan pelaksanaan OACP. PLANMalaysia@Perak telah menggariskan empat (4) prinsip seperti berikut:

### 5.1.1 KOMITMEN PENGURUSAN TERTINGGI

Pengurusan Tertinggi PLANMalaysia@Perak bertanggungjawab dalam memastikan PLANMalaysia@Perak:

- i. Mengamalkan serta menghayati integriti dan nilai-nilai etika di tahap yang tertinggi;
- ii. Mematuhi sepenuhnya keperluan undang-undang dan peraturan berkaitan antirasuah yang berkuatkuasa; dan
- iii. Menguruskan risiko rasuah Jabatan secara berkesan.

### 5.1.2 PENILAIAN RISIKO RASUAH

Penilaian risiko rasuah dijadikan asas kepada usaha antirasuah Jabatan. Sehubungan itu, PLANMalaysia@Perak akan:

- i. Melaksanakan penilaian risiko rasuah secara berkala dan apabila terdapat keperluan perubahan; dan
- ii. Memberi keutamaan kepada risiko rasuah sama ada dalaman mahupun luaran.

### 5.1.3 PELAKSANAAN INISIATIF

PLANMalaysia@Perak akan mewujudkan Langkah pelaksanaan inisiatif yang munasabah dan bersesuaian bagi menangani sebarang risiko rasuah yang berbangkit daripada kelemahan struktur, proses dan prosedur serta penguatkuasaan undang-undang.

### 5.1.4 PEMANTAUAN PENILAIAN SECARA SISTEMATIK

Pemantauan dalam penilaian secara sistematik dilaksanakan dengan memastikan:

- i. Mengemukakan pelaporan pelaksanaan inisiatif kepada Pengurusan Tertinggi;
- ii. Penilaian secara berkala bagi menilai prestasi, kecekapan dan keberkesanan program;
- iii. Mengenalpasti penyelesaian terbaik bagi setiap permasalahan yang timbul; dan
- iv. Hasil penilaian boleh dijadikan asas untuk memantapkan usaha-usaha kawalan risiko antirasuah sedia ada di PLANMalaysia@Perak



## 5.2 MEKANISME PELAKSANAAN PELAN TINDAKAN


Peneraju	Mesyuarat	Tindakan
BKP sebagai Urus setia OACP	Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Negeri Perak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pegawai Integriti mendapatkan input daripada setiap bahagian / unit terhadap status pelaksanaan OACP</li> <li>• Menyalurkan maklumat status pencapaian OACP setiap suku tahun kepada Mesyuarat JAR Negeri Perak dan pihak lain yang berkaitan jika diperlukan (cth SPRM, dll)</li> </ul>
BKP, OACP	Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) PLANMalaysia JAR Negeri Perak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pegawai Integriti mendapatkan input daripada setiap bahagian terhadap status pelaksanaan</li> <li>• BKP melaporkan status pelaksanaan OACP ke JAR PLANMalaysia dan peringkat JAR Negeri Perak.</li> </ul>

Peneraju	Mesyuarat	Tindakan
Jawatankuasa OACP	Mesyuarat Jawatankuasa OACP melalui Mesyuarat Pengurusan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan inisiatif-inisiatif dalam OACP berdasarkan sasaran dan tempoh masa yang ditetapkan</li> <li>• Mendapatkan penjelasan daripada pihak pelaksana bagi sesuatu inisiatif/tindakan yang tidak dapat dilaksanakan.</li> <li>• Menyediakan laporan pelaksanaan suku tahun dan laporan penuh tahunan pencapaian OACP.</li> <li>• Mengemukakan laporan pelaksanaan suku tahun dan laporan penuh tahunan kepada BKP selaku Urus setia OACP untuk dibentangkan di Mesyuarat JAR PLANMalaysia.</li> <li>• Menambahbaik/ mengemaskini pelan tindakan (jika perlu)</li> <li>• Membuat kajian semula OACP selepas tempoh pelaksanaan</li> </ul>

## 5.3 MEKANISME PENYELARASAN DAN PEMANTAUAN PELAN TINDAKAN

Pelaksana atau bahagian/unit/seksyen yang dipertanggungjawabkan perlu melaksanakan pemantauan:

- i. Membuat perbandingan keputusan sebenar dengan sasaran (melalui pengumpulan data yang kerap);
- ii. Membincangkan segala kekangan atau cabaran dalam pelaksanaan inisiatif di dalam Mesyuarat Pengurusan; dan
- iii. Menyediakan pelaporan kepada urus setia pada setiap suku tahun.



Peranan	Fungsi
Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) PLANMalaysia & (JAR) Negeri Perak	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menasihati dan mengenalpasti penyelesaian terbaik untuk OACP</li> <li>• Memantau status pelaporan dan pelaksanaan OACP</li> </ul>
Urus setia OACP	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaporkan status pelaksanaan OACP setiap suku tahun kepada pengurusan tertinggi melalui Mesyuarat JAR PLANMalaysia dan JAR peringkat Negeri Perak</li> <li>• Menyalurkan maklumat status pencapaian pelaksanaan OACP setiap suku tahun kepada Mesyuarat JAR Perak dan PLANMalaysia.</li> </ul>
Jawatankuasa OACP	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan pelan tindakan dilaksanakan berdasarkan sasaran dan tempoh masa yang ditetapkan</li> <li>• Mendapatkan penjelasan daripada pihak pelaksana bagi sesuatu inisiatif/tindakan yang tidak dapat dilaksanakan</li> <li>• Mengemukakan laporan setiap suku tahun kepada urus setia OACP (BKP)</li> <li>• Menambahbaik/ mengemaskini pelan tindakan (jika perlu)</li> <li>• Membuat kajian semula OACP selepas tempoh pelaksanaan</li> </ul>
Pihak Yang Melaksanakan Inisiatif (Bahagian/ Unit/ Seksyen)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Melaksanakan inisiatif di dalam pelan tindakan mengikut tempoh masa yang ditetapkan</li> <li>• Memohon peruntukan kewangan (jika perlu) bagi menjaya dan melaksanakan inisiatif di dalam pelan tindakan</li> </ul>

## **PENGHARGAAN**

Ucapan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada Pegawai-Pegawai, PLANMalaysia@Perak (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Perak Darul Ridzuan) yang terlibat dalam menjayakan penyediaan Pelan Antirasuah Organisasi (OACP).